

# Projek ambulans wakaf

KELUARKAN peluh sambil beramal dengan menyertai Larian Kebajikan Ambulans sejauh lima kilometer sempena program Sehari Bersama Pusat Kesihatan Universiti Putra Malaysia (PKU) pada 24 Mac ini.

Antara aktiviti lain yang turut diatur ialah *Fit by Beat Zumba*, demonstrasi memasak makanan sihat oleh pemenang *Masterchef* musim pertama, Dr. Ezani Md. Monoto,

karnival jualan, pembukaan kaunter Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen UPM (Wazan) dan pemeriksaan kesihatan.

Penganjuran acara tersebut bertujuan mempromosi perkhidmatan PKU warga kampus dan masyarakat di samping mengumpul dana untuk projek Wakaf Ambulan Khas PKU. Tarikh tutup pendaftaran ialah pada 23 Februari 2018.

## INFO

Lokasi: Pusat Kesihatan Universiti, Jalan Universiti 1, Putra Square, Serdang, Selangor

Tarikh: 24 Mac 2018

Masa: 6.30 pagi hingga 11.30 pagi

Facebook: Pusat Kesihatan Universiti UPM



**AKTIVITI** berlari secara berkumpulan dapat mengeratkan hubungan antara keluarga atau rakan-rakan. – Gambar hiasan